

12 MAY 1997

LEAD Zain-Tenat (Bergambar)  
KETUA MENTERI MELAKA TENAT

Oleh: Zainal Abidin Bujal

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani kini dalam keadaan tenat di Hospital Tawakal di sini selepas diserang angin ahmar pagi semalam, menurut ahli politik veteran Melaka, Datuk Aziz Tapa.

"Doktor pakar neurologi, Dr Jaswant Singh, yang merawatnya memberitahu saya beliau kini dalam keadaan kritikal.

" Bagaimanapun para doktor sedang berusaha sedaya upaya untuk memulihkannya," kata Aziz apabila ditanya tentang keadaan Mohd Zin setelah melawatnya.

Mohd Zin, 56, dimasukkan ke hospital itu setelah diserang angin ahmar di otak kiri pada pukul 4.30 pagi semalam di kediamannya di Klang Gate di sini pada pukul 4.30 pagi semalam.

Beberapa orang pemimpin Umno negeri juga mengesahkan Ketua Menteri itu dalam keadaan kritikal selepas melawat beliau di wad Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital itu.

Mohd Zin dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka pada Oktober 1994 menggantikan Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik yang meletakkan jawatan.

Exco kerajaan negeri Datuk Abu Zahar Isnin berkata, beberapa orang doktor pakar sedang berusaha memulihkan Mohd Zin.

"Bagaimanapun, orang ramai tidak perlu bimbang dan para doktor sedang mencuba sedaya yang boleh untuk menyembuhkan Ketua Menteri seperti sedia kala," katanya.

Ramai anggota keluarga termasuk isterinya Datin Seri Fatimah Samdin, dan anak-anak dan para pemimpin Umno, Barisan Nasional (BN) serta kerajaan negeri kini berhimpun di hospital swasta itu.

"Apabila seseorang mempunyai darah tinggi dan diabetes, ateri dalam otak boleh putus dengan mudah," kata seorang doktor yang tidak mahu namanya disiarkan semasa ditanya mengenai keadaan Ketua Menteri itu.

Beliau yang menjelaskan bagaimana angin ahmar berlaku berkata: "Apa yang berlaku ialah apabila arteri terputus kerana tekanan darah yang tinggi, darah keluar dan membeku. Pembekuan darah itu menyebabkan tekanan kepada jirim otak dan memusnahkannya."

"Daripada apa yang saya ketahui, ini merupakan kali kedua beliau diserang angin ahmar - kali pertama pada otak kanan - jadi ia satu perkara yang serius," kata beliau.

Ditanya mengenai kemungkinan Mohd Zin menjalani pembedahan, doktor itu berkata, ia akan dilakukan jika perlu.

Sementara itu Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam yang juga Timbalan Ketua Perhubungan Umno Melaka berkata, Mohd Zin boleh mendengar apa yang dicakapkan, tetapi tidak dapat menjawab.

Keadaannya bertambah baik sedikit dan para doktor sedang melakukan rawatan selanjutnya, kata beliau.

Menurut beliau lagi, Mohd Zin boleh menggerak-gerakkan tangannya sedikit, tetapi masih belum boleh membuka mata.

Tengah hari tadi, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Wira Abdul Rahman Jamal ketika memberi taklimat kepada pemberita tentang keadaan Ketua Menteri berkata, Mohd Zin diserang angin ahmar pada pukul 4.30 pagi semalam.

"Pada ketika ini beliau tidak sedarkan diri ... para doktor sedang berusaha memulihkan keadaannya." kata beliau.

Menurut Abdul Rahman, Mohd Zin, 56, dirawat oleh pakar-pakar neurologi

di hospital itu.

Pentadbiran kerajaan negeri Melaka berjalan seperti biasa kecuali hal-hal berkaitan dengan dasar yang akan dirujuk kepada Kerajaan Pusat, katanya.

Antara yang menziarahi Mohd Zin di Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital itu hari ini ialah Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Syed Ahmad Shahabudin, Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Dr Fong Chan Onn dan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Abu Bakar Daud.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menziarah Mohd Zin pada pukul 10 malam semalam selepas menghadiri majlis tahlil sempena ulangtahun ke-51 Umno.

-- BERNAMA

ZAB PR